

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Pin [Stampin] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapakah sebagai seorang Ahli Parlimen, peruntukan wang di kawasan P196 Stampin tidak boleh dimobilisasikan oleh Ahli Parlimen Stampin bagi tujuan membuat kerja kawasan sedangkan Malaysia seperti yang dikatakan oleh YAB Perdana Menteri adalah salah satu negara demokrasi yang dicontohi ramai.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen merupakan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek kecil dan sebagai *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Ianya diurus dan diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Negeri berdasarkan kepada garis panduan dan peraturan semasa yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.